

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN INSTUN, PENUTUP JUBLI PERAK INSTUN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan, Majlis Penutup Jubli Perak INSTUN dan juga Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat INSTUN pada 9 Mei 2024 bertempat di Dewan Kuliah Induksi, Institut Tanah dan Ukur Negara.

Majlis ini dimulai dengan Perhimpunan Bulanan INSTUN dan juga Majlis Penutup Jubli Perak INSTUN. Dalam masa yang sama, Majlis Hari Raya peringkat INSTUN turut diadakan bersekali dan seramai 150 kakitangan INSTUN telah hadir ke majlis ini dengan memperagakan busana yang indah sepanjang majlis berlangsung.

Sambutan ini diserikan lagi dengan pelbagai juadah menarik dengan bertemakan Riang Ria Raya yang disediakan di reruai semua bahagian. Majlis turut diserikan juga dengan persembahan daripada setiap bahagian. Majlis turut diraikan bersama kakitangan kontrak INSTUN. Sambutan Raya pada tahun ini turut disajikan dengan pertandingan gerai terbaik dan juga busana terbaik bagi kategori lelaki dan wanita.

#INSTUN #MalaysiaMADANI #RayaAidilfitriINSTUN #raya2024
#PenutupJubliPerakINSTUN















